

Soalan Objektif

- Pilih pernyataan yang salah mengenai Kota Siputih di Kedah.
 - Dibuka oleh Tunku Ahmad pada tahun 1282
 - Tujuan dibuka untuk menghadapi ancaman daripada Siam dan Aceh.
 - Kawasan tumpuan pedagang.
 - Tempat bersemayam Sultan Ibrahim

- Maklumat berikut berkaitan seorang tokoh.

Long Yunus

Pilih pernyataan yang berkaitan dengan Long Yunus.

- Menyatukan Kelantan barat dan Kelantan timur.
 - Mengasaskan kerajaan Kelantan pada tahun 1762.
 - Memindahkan pusat pentadbiran ke Kota Galoh.
 - Membina Masjid Kampung Laut.
- I, II dan III
 - I, II dan IV
 - II, III dan IV
 - I, II, III dan IV
- Siapakah pengasas kerajaan Negeri Sembilan yang berpusat di Seri Menanti pada tahun 1773?
 - Raja Melewar
 - Raja Minangkabau
 - Yamtuan Antah
 - Yamtuan Radin

Soalan 4 dan 5 berdasarkan rajah di bawah.

Pada tahun 1839, wilayah Kedah dipecahkan kepada empat unit pentadbiran iaitu Setul, X, Kubang Pasu dan Kedah.

- Apakah X?
 - Kota Kayang
 - Perlis
 - Kangar
 - Arau
- Siapakah yang mentadbir X?
 - Sultan Muhyiddin Mansur Shah
 - Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I
 - Syed Hussin Jamalullail
 - Sultan Muhammad II

- Apakah faktor yang mendorong wujud hubungan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan negeri-negeri Melayu yang lain?

- Pembinaan pelabuhan di pinggir sungai.
 - Persamaan dalam aspek bahasa dan budaya.
 - Sempadan antara negeri berjiran memudahkan perhubungan.
 - Berkongsi institusi pendidikan agama.
- I, II dan III
 - I, II dan IV
 - II, III dan IV
 - I, II, III dan IV

- Hubungan diplomatik Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan negeri-negeri Melayu yang lain melalui cara

- perdagangan
- pertahanan
- keagamaan
- perundangan

- Perkahwinan diraja mengukuhkan hubungan dan menjamin kedaulatan sesebuah kerajaan. Hal ini dapat dibuktikan daripada perkahwinan Onang Kening, puteri Kelantan dengan

- Sultan Mahmud Shah
- Tengku Muhammad
- Long Yunus
- Raja Syed Hussin

- Berikut merupakan sebuah pelabuhan di Negeri Sembilan.

Pangkalan di Sungai Linggi

Siapakah yang menguasai aktiviti perdagangan dengan pedagang luar di pelabuhan tersebut?

- Pedagang Jelebu
- Pedagang Rembau
- Pedagang Johol
- Pedagang Tampin

- Pilih pasangan yang betul tentang barang dagangan dari Kerajaan Kedah, Kelantan, Perlis dan Negeri Sembilan.

	Kerajaan	Barang Dagangan
A	Kedah	Arang kayu
B	Kelantan	Bijih timah
C	Perlis	Beras
D	Negeri Sembilan	Gading